

Nasharudin bertegas tidak akan keluar parti
Utusan Online
16 Ogos, 2012

SEPANG 16 Ogos - Bekas Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa tetap dengan pendiriannya tidak akan keluar daripada parti tersebut.

Malahan beliau turut menafikan dakwaan akan menyertai UMNO ekoran paparan gambar beliau menyertai Perdana Menteri dalam pertemuan dengan tokoh-tokoh ulama sempena Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang berlangsung di Arab Saudi.

"Pertemuan yang diadakan itu lang sung tidak membincangkan mengenai politik apatah lagi Pas atau UMNO," katanya ketika pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120816/po_09/Nasharudin-bertegas-tidak-akan-keluar-parti